



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TIARA PERMAI**  
NO.2A, JALAN 2/18A  
TAMAN MASTIARA, JALAN IPOH  
51200 KUALA LUMPUR



Telefon : 03-61794752  
Faksimile : 03-62414679  
E-mel : wea0260@moe.edu.my

Ruj. Kami : SMKTP.600-2/1/2 (11)  
Tarikh : 27 September 2021

**Semua Ibu Bapa / Penjaga**  
**SMK Tiara Permai**  
**Kuala Lumpur**

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

## **PEMAKLUMAN PEMBUKAAN SEMULA SEKOLAH DALAM FASA PELAN PEMULIHAN NEGARA**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengumumkan pembukaan semula institusi pendidikan bawah KPM akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan tertakluk kepada ketetapan KPM berdasarkan penilaian risiko, nasihat dan pandangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

3. Seperti semua sedia maklum bahawa Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berada dalam Fasa 2 PPN. Berdasarkan pengumuman dan Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah 3.0 yang dikeluarkan oleh KPM, **semua murid Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) SMK Tiara Permai akan memulakan sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara bersemuka tanpa penggiliran mulai 4 Oktober 2021**. Manakala semua murid Tingkatan 1, 2, 3, 4, dan 5 akan meneruskan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). Pihak sekolah akan mengeluarkan pemakluman khusus kepada semua ibu bapa/penjaga murid PPKI berkaitan dengan pembukaan sekolah ini.

...4. Bersama-sama ini dilampirkan maklumat pembukaan sekolah mengikut fasa yang dikeluarkan oleh KPM untuk perhatian YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan. KPM juga telah menetapkan bahawa jika sesebuah negeri beralih ke fasa seterusnya, pengoperasian institusi pendidikan bawah KPM mengikut ketetapan fasa baharu akan dilaksanakan selepas dua (2) minggu daripada tarikh peralihan ke fasa tersebut.

Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(HAJI AZMAN BIN AB KADIR, AMW)**  
Pengetua  
SMK Tiara Permai  
Kuala Lumpur

<h2 style="text-align: center; margin: 0;">FASA 1</h2> <p style="margin: 5px 0;"><b>SEKOLAH RENDAH</b> Semua murid PdPR.</p> <p style="margin: 5px 0;"><b>SEKOLAH MENENGAH</b> Semua murid PdPR.</p>	<h2 style="text-align: center; margin: 0;">FASA 2</h2> <p style="margin: 5px 0;"><b>SEKOLAH RENDAH</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>■ Sama seperti Fasa 1.</li> <li>✦ Murid Berkeperluan Khas di sekolah kebangsaan pendidikan khas dan Program Pendidikan Khas Integrasi hadir tanpa penggiliran.</li> </ul> <p style="margin: 5px 0;"><b>SEKOLAH MENENGAH</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>■ Sama seperti Fasa 1</li> <li>✦ Murid Tingkatan 6 Semester 2, International Baccalaureate Diploma Tahun 2 dan Program Pra Universiti Semester 3 di Sekolah Sukan Malaysia hadir tanpa penggiliran.</li> <li>✦ Murid Berkeperluan Khas di sekolah menengah kebangsaan pendidikan khas dan Program Pendidikan Khas Integrasi hadir tanpa penggiliran.</li> <li>✦ Murid kelas peperiksaan antarabangsa<sup>1</sup> hadir tanpa penggiliran.</li> </ul>	<h2 style="text-align: center; margin: 0;">FASA 3</h2> <p style="margin: 5px 0;"><b>SEKOLAH RENDAH</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>■ Sama seperti Fasa 2.</li> <li>✦ Murid prasekolah/tadika swasta hadir tanpa penggiliran.</li> </ul> <p style="margin: 5px 0;"><b>SEKOLAH MENENGAH</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>■ Sama seperti Fasa 2.</li> <li>✦ Murid kelas peperiksaan antarabangsa yang lain<sup>1</sup> hadir secara penggiliran.</li> <li>✦ Murid Pra Universiti Sekolah Sukan Malaysia dan murid kelas peperiksaan awam<sup>2</sup> di sekolah asrama sepenuhnya<sup>3</sup> hadir tanpa penggiliran.</li> <li>✦ Murid kelas peperiksaan awam<sup>2</sup> di sekolah harian/swasta hadir secara penggiliran.</li> </ul> <p style="font-size: small; margin-top: 5px;"> <sup>1</sup> Senarai akan dikeluarkan KPM  <sup>2</sup> SPM, SVM, STAM dan STPM  <sup>3</sup> SBP, SMKA/SABK Berasrama Penuh, Sekolah Seni Malaysia dan Sekolah Sukan Malaysia         </p>
--	---	---

<sup>1</sup> IGCSE O-Level, A-Level, Australia Higher School Certificate dan IBDP

<h2 style="margin: 0;">FASA 4</h2> <p style="margin: 5px 0;"><b>SEKOLAH RENDAH</b></p>			
3 Oktober 4 Oktober	17 Oktober 18 Oktober	31 Oktober 1 November	10 Disember 11 Disember
<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Sama seperti Fasa 3.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>✦ Murid Tahap 1 (Tahun 1, 2, 3) hadir secara penggiliran.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>✦ Murid Tahap 2 (Tahun 4, 5, 6) hadir secara penggiliran.</li> </ul>	
<p style="margin: 5px 0;"><b>SEKOLAH MENENGAH</b></p>			
<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Sama seperti Fasa 3.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>✦ Murid kelas peperiksaan awam<sup>1</sup>, Tingkatan 3 &amp; 4 di sekolah asrama sepenuhnya<sup>2</sup> hadir tanpa penggiliran.</li> <li>✦ Murid kelas peperiksaan awam<sup>1</sup>, Tingkatan 3 &amp; 4 di sekolah harian/swasta hadir secara penggiliran.</li> <li>✦ Murid Kelas Peralihan, Tingkatan 1 dan 2 PdPR.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>✦ Semua murid asrama sepenuhnya<sup>2</sup> hadir tanpa penggiliran.</li> <li>✦ Murid lain termasuk murid sekolah swasta, sekolah antarabangsa &amp; sekolah ekspatriat hadir secara penggiliran.</li> </ul>	
<p style="font-size: small; margin: 0;"> <sup>1</sup> SPM, SVM, STAM dan STPM  <sup>2</sup> SBP, SMKA/SABK Berasrama Penuh, Sekolah Seni Malaysia dan Sekolah Sukan Malaysia         </p>			

## Catatan:

1. Semua murid PPKI akan memulakan sesi PdP secara bersemuka mulai 4 Oktober 2021 tanpa penggiliran.
2. Semua murid Tingkatan 5 akan memulakan sesi PdP secara bersemuka secara penggiliran setelah **WP Kuala Lumpur berada dalam Fasa 3 PPN**. Manakala murid lain akan meneruskan PdPR.
3. Semua murid Tingkatan 5, 4, dan 3 akan memulakan sesi PdP secara bersemuka secara penggiliran setelah **WP Kuala Lumpur berada dalam Fasa 4 PPN**. Manakala murid Tingkatan 1 dan 2 akan meneruskan PdPR dan akan hadir sesi PdP secara bersemuka secara penggiliran bermula 1 November 2021.